

Kertas Cadangan Buku Terbitan ABIM
"Fiqh Dakwah Abad ke-21: Perspektif ABIM"

1.0 Tujuan

Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapatkan mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Majlis Tertinggi Angkatan Belia Malaysia (ABIM) bagi menerbitkan sebuah buku yang ditulis oleh semua exco ABIM sesi 2011-2013 berkenaan dengan kerangka Fiqh Dakwah dari pelbagai aspek menurut portfolio masing-masing.

2.0 Idea Penulisan dan penerbitan Buku

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa kekuatan dan 'niche' ABIM di mata masyarakat merujuk kepada budaya ilmu yang sudah sebatи di dalam jemaah ini. Bahkan ABIM pernah mencapai zaman gemilangnya dari aspek penerbitan buku-buku ilmiah yang hingga kini menjadi rujukan masyarakat. Namun begitu, didapati sejak akhir-akhir ini, kegiatan menghasilkan dan menerbitkan buku-buku ilmiah oleh ABIM agak perlahan tidak seperti amalan yang pernah berlaku satu waktu dulu.

Dengan aspirasi untuk mengembalikan aktiviti ilmiah penerbitan buku ini, sebagai permulaan kertas ini ingin mencadangkan penulisan dan penerbitan buku khas yang ditulis oleh semua exco ABIM berkenaan dengan fiqh Dakwah di dalam ruang lingkup portfolio masing-masing. Dicadangkan artikel yang ditulis adalah bersifat santai dan tidak perlu terlalu akademik. Paling penting, ianya dapat mencerna dan mengetengahkan pemikiran dan idea pimpinan ABIM mengenai aspek dakwah dalam kerangka portfolio masing-masing. Penulisan ini sedikit sebanyak akan dapat memperlihatkan kepada umum, visi, misi, tasawwur dan 'worldview' pimpinan ABIM kali ini.

Butiran cadangan buku adalah seperti berikut:-

Tajuk

Fiqh Dakwah Abad ke-21: Perspektif ABIM

Penulis

Semua Exco ABIM

Editor

Dr. Zulkifli Hasan

Isi Kandungan Buku

Kata-kata Aluan oleh Presiden ABIM

Pengantar oleh Dr. Siddiq Fadhil

Sinopsis Buku Dari Editor

Bab 1: Fiqh Dakwah: Muamalat
Dr. Zulkifli Hasan

Bab 2: Fiqh Dakwah: Hubungan Antarabangsa
Jufitri Joha

Bab 3: Fiqh Dakwah: Hak-hak Wanita
Fadhlina Sidiq

Bab 4: Fiqh Dakwah: Kesihatan dan Kebajikan
Dr. Shahrizal Azwan Shamsuddin

Bab 5: Fiqh Dakwah: Undang-undang
Khairul Anwar Ismail

Bab 6: Fiqh Dakwah: Penyelidikan
Akmal Hisham Abdul Rahim

Bab 7: Fiqh Dakwah: Syariah
Hasri Harun

Bab 8: Fiqh Dakwah: Fiqh Kenegaraan
Mohd Naim Mohd Noor

Bab 9: Fiqh Dakwah: Pendidikan
Nor Azura Kamarudin Sohami

Bab 10: Fiqh Dakwah: Cabaran dan Isu
Mohamad Raimi Ab Rahim dan Mohamad Faisal Abdul Aziz

Bab 11: Fiqh Dakwah: Ekonomi
P. Aizan Tukirin dan Syahrir Azfar Saleh

Bab 12: Fiqh Dakwah: Penerangan
Abu Qassim Nor Azmi

Bab 13: Fiqh Dakwah: Latihan dan Pembangunan Insan
Latifah Ulfa Ismail

Kesimpulan
Latarbelakang Penulis
Bibliografi
Indeks

Jumlah Perkataan

Setiap artikel 5000-10000 perkataan. Jumlah perkataan dianggarkan 130000-150000 perkataan.

Jadual Penulisan

Jadual ini merupakan cadangan dan iaanya boleh berubah mengikut keperluan.

Bulan	Minggu	Catatan
Oktober	1	Pengumpulan Bahan untuk Penulisan
	2	
	3	
	4	
November	1	Deraf Pertama
	2	
	3	
	4	
Disember	1	Semakan deraf Pertama dan dihantar semula untuk proses penambahbaikan
	2	
	3	
	4	
Januari	1	Deraf terakhir
	2	
	3	
	4	
Februari	1	Semakan deraf terakhir dan suntingan
	2	
	3	
	4	
Mac	1	Penerbitan dan Pelancaran Buku
	2	
	3	
	4	

3.0 Penutup

Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan pucuk pimpinan ABIM bagi menerbitkan sebuah buku yang julung-julung kalinya ditulis oleh semua exco ABIM. Buku ini sedikit sebanyak akan dapat mengetengahkan idea dan pemikiran pimpinan ABIM dalam pelbagai aspek dakwah di samping menghidupkan kembali budaya penulisan dikalangan pimpinan. Semoga idea penerbitan dan penulisan buku khas ‘Fiqh Dakwah Abad ke-21 : Perspektif ABIM’ ini akan dapat menjadi titik permulaan pencetus pembudayaan ilmu yang lebih gemilang dalam ABIM. Kertas ini berharap agar cadangan buku ini mendapat perhatian sewajarnya dari pucuk pimpinan ABIM dan seterusnya mendapat peruntukan dan laluan untuk meneruskan perancangan ini.

Disediakan oleh

DR. ZULKIFLI HASAN
Exco Tugas-tugas Khas
Syariah dan Kewangan Islam